



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 26 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RM126.23 JUTA BANTU 6,969 AGROPRENEUR MUDA, ONLINE, HAKAKAH	UNIT AGROPRENEUR MUDA (UAM)
2. 3.	ISTILAH HERBA DISATUKAN DALAM KAMUS, RESENSI GAYA, UM -23 MUSIM SAKURA WARNAI KUALA LUMPUR, ONLINE, ASTRO AWANI	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
4. 5. 6.	TERENGGANU TO BAN SALE OF ALL TYPES OF TURTLE EGGS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3 HARAM JUAL TELUR PENYU, NEGARA, KOSMO -18 NELAYAN LAUT DALAM 'CURU' IKAN NELAYAN PESISIR PANTAI, NEGARA, KOSMO -14	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/3/2021	HARAKAH	ONLINE	

RM126.23 JUTA BANTU 6,969 AGROPRENEUR MUDA



PASIR MAS: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan membantu seramai 6,969 agropreneur muda dengan nilai sebanyak RM126.23 juta sejak tahun 2016.

Timbalan Menteri, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, daripada jumlah itu seramai 6,908 peserta menerima bantuan dalam bentuk geran berjumlah RM121.96 juta.

Manakala 61 peserta menerima bantuan dalam bentuk pembiayaan berjumlah RM4.26 juta.

"Program Agropreneur Muda adalah satu program khas yang disasarkan kepada kumpulan yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun," katanya sempena lawatan kerja Agropreneur Muda bertempat di dewan terbuka Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Pasir Mas, hari ini.

Ujar beliau, program itu bertujuan membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor agro makanan seperti tanaman, ternakan, perikanan, industri makanan dan agro pelancongan.

Menurutnya kementerian menyediakan bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) sehingga RM20,000 manakala pakej pembiayaan sehingga RM200,000 melalui Agrobank.

Di samping itu juga, kursus dan latihan teknikal turut ditawarkan kepada kumpulan sasar melalui jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Pada 18 Mac lepas Menteri Pertanian dan Industri Makanan Dato' Seri Dr Ronald Kiandee melancarkan Program Pembiayaan Agro-Youth Entrepreneur Scheme (Agro-Yes).

Program Agro-Yes ini merupakan penjenamaan semula daripada pembiayaan khas Agropreneur Muda yang diperkenalkan pada 2018.

Pembiayaan Agro-Yes antara inisiatif kementerian menerusi Agrobank untuk menarik lebih ramai golongan muda yang berusia antara 18 sehingga 40 tahun menceburi bidang pertanian.

Pembiayaan itu bertujuan membantu usahawan muda membangunkan pertanian ke tahap yang lebih kompetitif seiring dengan teknologi masa kini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/3/2021	UTUSAN MALAYSIA	RESENSI GAYA	23

Istilah herba disatukan dalam kamus

HERBA adalah tumbuh-tumbuhan semula jadi dan mudah didapati yang mempunyai nilai dari segi perubatan, khasiat makanan dan baunya.

Istilah herba secara amnya bermaksud semua jenis tumbuhan yang mana-mana bahagiannya termasuk daun, batang buah, kulit batang, akar atau bunga yang mempunyai nilai dalam masakan, kesihatan atau kecantikan.

Kebarayakan istilah herba dalam bahasa saintifik atau Inggeris sering kali digunakan dan tidak dipertincikan secara meluas oleh pakar atau pelajar yang meninjau bidang ini.

Dek kerana itulah, siri penerbitan kamus istilah Dewani Bahasa dan Pustaka (DBP) iaitu *Kamus Herba*

Pemriawain dapat dijadikan wadah untuk meningkatkan kefahaman pengguna dalam bidang herba, khususnya pemriawain.

Usaha penerbitan kamus ini juga membuktikan kemampuan bahasa

Melayu menjadi wadah pengungkapan pelbagai ilmu dalam era globalisasi ini.

Semua entri dalam kamus ini diterbitkan dalam bahasa Melayu dan padanannya dalam bahasa Inggeris yang diketekankan dalam tanda kurung dengan menggunakan huruf condong.

Sebagai contoh, tumbuhan beraroma (e.g. *aromatic plant*). Dengan penjelasannya, tumbuhan yang mengandungi komponen kimia berbau harum. Komponen ini terdapat dalam bentuk minyak pati. Contohnya, serai

Kamus Herba Pemriawain

Penulis: Asmiah Ajamain, Siti Haslina Subaker, Mohd. Fadzil Tajuid, Siti Zubaidah Zainal Abidin

Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

Pengulas: NUR IZZAH IZZATI MADZI

Harga: RM15

Tebal: 73 muka surat

wangi (*Gymbopogon nardus*) dan nilam (*Pogostemon cablin*).

Penyusunan kamus ini mendapat sentuhan Pengarah Pusat Tadbir Urus dan Undang-undang, Institut Penyelidikan dan Kemajuan

Pertanian Malaysia (MARDI), Dr. Mohd. Shukri Mat Ali @ Ibrahim

dan Pegawai Penyelidikan Kanan, Pusat Pengkomsiasian dan Perniagaan MARDI, Mohd. Lip Jabit serta Penyelaras Disiplin Kimia Farmaseutikal

di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Khatirana Husain.

Kamus Herba Pemriawain ini mengandungi 227 entri beserta huraian yang telah disusun akan menjadi sumber rujukan berguna kepada para pelajar institusi pengajian tinggi, pengajar, pengamal dalam bidang herba untuk mendapatkan penjelasan



tentang konsep-konsep yang didukung oleh pelbagai istilah herba. Kamus yang ditulis oleh ketiga Bahagian Peristilahan dan Iektikologi DBP, Asmiah Ajamain serta Editor antaranya, Siti Haslina Subaker, Mohd. Fadzil Tajuid dan Siti Zubaidah Zainal Abidin.

Ia berupaya memberikan fokus dan pededahan serta kefahaman kepada masyarakat tentang bidang herba, khususnya pemriawain yang akan terus berkembang dari semasa ke semasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/3/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

MUSIM SAKURA WARNAI KUALA LUMPUR



KUALA LUMPUR: Indah dan mempesona, ibarat menikmati musim bunga di Jepun dan Korea Selatan.

Inilah suasana dialami sekitar ibu kota kini.

Landskap di sekitar ibu kota antaranya di Jalan Sentul menghala ke Batu Caves dan susur keluar Lebuhraya Lingkar Tengah 2 (MRR2) ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), sekelip

mata berubah apabila pokok tekoma mula mekar dengan mengeluarkan bunga berwarna merah jambu putih sejak minggu lepas.

Fenomena yang jarang-jarang berlaku itu bukan sahaja mewarnai pemandangan jalan dan kawasan sekitar bahkan menjadi tarikan masyarakat berswafoto dan membidik gambar kenangan untuk dimuatkan dalam media sosial.

Seorang pengunjung yang ditemui *Bernama*, Kasim Awang, 57, berkata dia dan keluarga mengambil peluang bergambar memandangkan panorama indah seperti itu jarang berlaku dan tidak bertahan lama kerana bunganya akan layu dan luruh.

"Saya dari Jertih, Terengganu kebetulan ke Kuala Lumpur kerana mahu menghantar anak ke UIAM, jadi kami berhentikan kereta ambil peluang bergambar bersama," katanya.

Seorang lagi pengunjung Helmi Abd Hamid, 45 dari Sungai Buloh berkata beliau mengambil kesempatan melakukan sesi fotografi dengan menjadikan kawasan itu sebagai latar belakang dalam mempromosikan produknya.

"Tempat menarik seperti ini mejadi lokasi pilihan kepada mana-mana jurugambar atau mereka yang mahu 'showcase' produk perniagaan, kerana ia dapat menarik lebih ramai audiens apabila gambar ini dimuat naik dalam media sosial seperti Instagram," katanya.

Sebelum ini, tular di laman Facebook, Asal Gombak yang memaparkan kecantikan pokok tekoma atau nama saintifiknya *Tabebuia Rosea* sehingga mendapat hampir 3,000 tanda suka (like) dan dikongsi hampir 2,000 pengguna laman tersebut.

"Bolehlah Kementerian Pelancongan promosi kepada orang luar (pelancong) bila COVID-19 reda nanti. Musim 'Sakura' di Malaysia hujung Mac setiap tahun.

"Pilihan lebih murah dan hangat dari Jepun," tulis Muhammad Sidqi Muhammad Naim dalam ruangan komen di laman tersebut.

Seorang lagi netizen Muhamad Zulfika mengesyorkan agar tanaman berkenaan diperluaskan di lebih banyak kawasan.

"Kan cantik tu, aku rasa baik Malaysia tanam pokok ini banyak-banyak, buat satu taman khas, mana tau akan jadi tarikan dunia, memang cantik," tulisnya.

Sementara itu, Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Penyelidikan Hortikultur Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Sakinah Idris berkata lazimnya bunga yang sering dijadikan hiasan landskap tersebut akan mula mekar selepas musim kemarau yang disusuli musim hujan.

"Biasanya bunga ini akan mekar dua kali setahun iaitu sekitar hujung Mac hingga awal April dan hujung Ogos sehingga awal September, namun ia bergantung pada tempoh musim panas dan hujan," katanya.

Sakinah yang pernah membuat kajian berkaitan tumbuhan berasal dari Amerika Tengah dan benua Amerika Selatan itu turut senada dengan pandangan masyarakat untuk memanfaatkan keindahan musim tersebut sebagai produk pelancongan.

"Kalau di negeri utara seperti Kedah memang suasananya lagi cantik memandangkan cuaca kemarau yang lebih nyata dan lama, tapi di negeri lain seperti Kuala Lumpur juga kalau boleh diperbanyakkan bagi menarik minat pelancong," katanya.

— BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/3/2021	THE SUN	NEWS WITHOUT BOR- DERS	3

Terengganu to ban sale of all types of turtle eggs

KUALA TERENGGANU: The sale of all types of turtle eggs in Terengganu will be outlawed soon.

State executive councillor in charge of agriculture and food industry, plantation, commodity and rural development Dr Azman Ibrahim said the Turtle Enactment 1951 (Amendment 1987) will be amended to enable the ban.

“The enactment in its current form is no longer relevant. The people are not afraid because the punishment is too lenient and the fine is too low,” he told reporters after visiting the turtle conservation centre at Pantai Mak Kepit in Pulau Redang yesterday.

The legislation now only prohibits the sale of leatherback turtle eggs but the species has not landed in Terengganu since 2017, he said.

Azman said Terengganu is the only state that still allows the sale of eggs of other turtle species (green, hawksbill and olive ridley) openly.

He said the state government’s intention to ban the sale of all types of turtle eggs had so far received very positive feedback from various quarters.

Non-governmental organisations involved in turtle conservation and the environment, as well as institutions of higher learning are among those who welcome this proposal. - Bernama

Haram jual telur penyu

KUALA NERUS – Terengganu akan mengharamkan sepenuhnya penjualan telur penyu menjelang akhir tahun ini bagi memastikan kelestarian reptilia yang hampir pupus itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, Enakmen Penyu Terengganu 1951 (Pindaan 1987) akan dipinda untuk tujuan itu.

“Terengganu satu-satunya negeri yang masih membenarkan penjualan telur penyu.

“Sebelum ini, larangan hanya melibatkan telur penyu belimbing tetapi spesies lain (agar, lipas dan karah) dibenarkan, menyebabkan ia dijual secara terbuka termasuk di Pasar

Payang, Kuala Terengganu,” katanya pada program Pemuliharaan Penyu Mak Kepit, Pulau Redang dekat sini semalam.

Azman berkata, selain larangan itu, penguatkuasaan bagi mengatasi isu pencerobohan dan gangguan sarang penyu juga akan diperketatkan.

Jelas beliau, sebahagian peruntukan dalam Enakmen Penyu Terengganu 1951 (Pindaan 1987) yang telah berusia 34 tahun kini sudah tidak relevan bagi mengatasi isu semasa ancaman kepupusan reptilia yang dianggap ikon kepada negeri ini.

“Pindaan enakmen tersebut akan dibentangkan sekiranya Sidang Dewan Undangan Negeri boleh dilakukan pada November ini,” katanya.



TELUR penyu akan diharamkan penjualannya di Terengganu bagi memastikan kelestarian reptilia itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/3/2021	KOSMO	NEGARA	14



SEBUAH bot yang ditahan kerana menjalankan aktiviti perikanan di kawasan pesisiran pantai di Bagan Datuk baru-baru ini.

Nelayan laut dalam 'curi' ikan nelayan pesisir pantai

LUMUT - Maritim Malaysia (APMM) menahan dua bot nelayan laut dalam yang melanggar syarat sah lesen dengan menjalankan aktiviti perikanan di kawasan pesisiran pantai baru-baru ini.

Pengarah Maritim Perak, Kepten Maritim Shahrizan Ramman berkata, kedua-dua bot itu ditahan melalui Op Pintas yang dilaksanakan agensi tersebut.

Menurutnya, dalam Op Pintas kelmarin, APMM mengesan sebuah bot nelayan tempatan kelas B di kedudukan 2.8 batu nautika dari barat Sungai Rungkup, Bagan Datuk pukul 6 pagi.

Kawasan itu dikategorikan sebagai Zon A iaitu bagi nelayan pesisir pantai.

"Bot itu dikendalikan dua kru warga Indonesia yang tidak mempunyai lesen atau kebenaran menangkap ikan menggunakan pukut tunda di kawasan Zon A," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ujar Shahrizan, sebuah lagi bot ditahan pada 19 Mac lalu kerana turut didapati melakukan aktiviti perikanan di Zon A sekitar 5.1 batu nautika dari barat daya Sungai Tiang, Bagan Datuk pada pukul 3 petang. Bot itu dikendalikan lima kru termasuk tekong.

"Kedua-dua bot disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8(B) Akta Perikanan 1985 iaitu melanggar syarat sah lesen," ujarnya.